



KERJA-KERJA PENGOREKAN (*MAINTENANCE DREDGING*) DI JETI KAPAR POWER STATION, PELABUHAN KLANG

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan,
Malim Pelabuhan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 29 Mac 2006.

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja pengorekan laut (*maintenance dredging*) akan dijalankan di sekitar kawasan terminal Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Kapar Power Station) Pelabuhan Klang selama tempoh kira-kira 12 bulan mulai dari 5 April 2006. Projek pengorekan itu akan meliputi kawasan dasar laut "Phase 1, 2 & 3 Circulating Water Pumphouse and Coal & Fuel Oil Unloading Jetty" Stesen Janaelektrik Kapar.

2. Vesel-vesel yang akan digunakan dalam projek tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) Sebuah Kapal Korek jenis "*Clam Shell Dredger*": Cathay CD2 (Benalec GD-2).
- (ii) 3 buah Kapal Tunda: Cathay 6, Cathay 16 & Cathay 78.
- (iii) 2 buah Barj jenis "*Split Hopper Barge*": Cathay SHB 1003 & Cathay SHB 1009.

3. Semua vesel yang terlibat dalam projek itu akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Manakala bahan-bahan korekan pula akan dilupuskan di tapak pembuangan am (*Spoil Ground*) yang terletak di sebelah Selatan dari Pulau Angsa, pada Garisan Lintang 03° 08.85' Utara dan Garisan Bujur 101° 14.15' Timur.

4. Selaras dengan itu, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan projek dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel yang terlibat.

5. Dengan pengeluaran Pekeliling Pelabuhan No. 06/2006 bertarikh 29 Mac 2006 ini, maka Pekeliling Pelabuhan yang terdahulu, No. 01/2005 bertarikh 14 Januari 2005, adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran /
Penyelia Pusat VTS & MRCC)
- (ii) Pengurus Besar (Kawalselia),
Lembaga Pelabuhan Kelang.